

TERMA DAN SYARAT

PERTANDINGAN MENGHASILKAN POSKAD ' MESEJ KEPADA PTPTN'

- Program utama di dalam kerjasama adalah Program Seni Cuti Sekolah adalah salah satu program kerjasama antara PTPTN dan Antz World Bhd. Program ini merupakan sebuah program pembelajaran kesenian yang sedang ditayangkan di Facebook dan Instagram PTPTN untuk 12 episod bersempena musim cuti sekolah mulai 10 Disember – 31 Disember. Melalui program ini anak-anak boleh mengikuti kelas kesenian dengan pelbagai topik yang turut diselitkan dengan kepentingan menabung.
- Pertandingan ini bertujuan melihat sejauh mana kelas ini dapat melahirkan kanak-kanak yang kreatif selepas 12 episod ditayangkan. Selain daripada itu juga, pertandingan ini dilihat dapat menarik kanak-kanak untuk menonton kesemua kelas yang ditayangkan.
- Berikut adalah terma dan syarat pertandingan:

A) Tempoh Pertandingan

- Tempoh pertandingan bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Januari 2022.
- Hasil seni yang diterima selepas 31 Januari 2022 tidak akan dinilai untuk penyertaan.
- PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh pertandingan ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

B) Kelayakan

- Terdiri daripada warganegara Malaysia.
- Terbuka kepada semua kanak-kanak sekolah rendah yang berumur 7- 12 tahun kecuali ahli keluarga kakitangan PTPTN dan Antz World Berhad.
- Peserta hendaklah mempunyai akaun Simpan SSPN yang dibuka oleh ibu / bapa/ penjaga
- Setiap peserta hanya mempunyai satu peluang untuk menyertai pertandingan ini.

C) Cara Penyertaan

- Peserta dikehendaki menghasilkan satu poskad yang merangkumi mesej kepada PTPTN mengikut format *template* yang ditetapkan oleh PTPTN.
- Peserta perlu muat turun *template* kosong di portal rasmi PTPTN <https://www.ptptn.gov.my/promosi-menu/program-seni-cuti-sekolah>.

- Peserta **DIWAJIBKAN** menggunakan sekurang-kurangnya dua (2) teknik seni yang telah diajar dalam kelas seni yang telah ditayangkan di Facebook dan Instagram PTPTN. Teknik seni yang diajar adalah seperti berikut :
 - a. Shapes
 - b. Zentangle Art
 - c. Drawing & Painting
 - d. Collage
- Maskot PTPTN iaitu P dan T wajib ada dalam hasil seni yang dihasilkan.
- Peserta juga wajib menyampaikan mesej kepada PTPTN di ruangan mesej yang disediakan. Mesej yang disampaikan adalah harapan kanak-kanak terhadap simpanan SSPN sebagai jaminan masa depan.
- Mesej yang disampaikan tidak lebih daripada **30 patah perkataan**.
- Peserta dibenarkan mewarna menggunakan warna pensel /krayon/ pen marker dan **BUKAN** melalui grafik komputer atau digital.
- Peserta perlu menulis maklumat peserta seperti nama penuh, umur dan nama pendeposit akaun SSPN (ibu/ bapa/ penjaga) dalam *template* yang telah disediakan.
- Mengambil gambar yang jelas dan muat naik gambar tersebut di Facebook akaun peribadi berserta hashtag:
 - #ProgramSeniPTPTNxAntz
 - #Simpan Duit
 - #PeluangKejayaanAnda
 - #PTPTN
 - #ANTZWORLD
- Peserta perlu memastikan profil Facebook mereka ditetapkan kepada *Public*.
- Peserta perlu Like & Follow Facebook PTPTNOfficial dan Instagram Rasmi PTPTN
- Peserta perlu mengisi borang penyertaan di <https://bit.ly/3JG6DTk>

D) Pemilihan Pemenang

- Pemenang terbaik di dalam senarai pendek akan diumumkan sebagai pemenang.
- Pemenang dipilih berdasarkan pemarkahan panel juri profesional yang dipilih oleh pihak PTPTN dan Antz World Bhd.

- Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

E) Hadiah Pertandingan dan Tuntutan Hadiah

PEMENANG	HADIAH TUNAI (RM)
TEMPAT PERTAMA	250 X1 PEMENANG
TEMPAT KEDUA	150 X1 PEMENANG
TEMPAT KETIGA	100 X1 PEMENANG
SAGUHATI	50 X 100 PEMENANG
JUMLAH	RM 5,500

- e-Sijil akan diberikan kepada peserta yang menyertai pertandingan.
- Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau apa-apa kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.
- Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
- Hadiah tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh DUA (2) BULAN dari tarikh pengumuman pemenang. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

F) PERUNTUKAN UMUM

- Sebagai peserta yang mempunyai akaun aktif, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi.
- PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.
- PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-

apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

- PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
- PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
- Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
- Penyertaan peserta dalam pertandingan ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
- Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
- PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
- Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.